

APABILA siap kelak, projek MRT Malaysia diyakini mampu mengurangkan masalah trafik di Lembah Klang. - GAMBAR HIASAN



MMC-Gamuda laksana pembinaan terowong, stesen

Kontrak MRT RM8.2 bilion

Oleh **AINUL ASNIERA AHSAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Mac - Syarikat kerjasama MMC Corporation dan Gamuda Bhd. (MMC-Gamuda) dianugerahkan kontrak bernilai RM8.2 bilion oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp).

MRT Corp. dalam kenyataannya berkata, syarikat kerjasama itu dipilih kerana menawarkan harga paling kompetitif bagi kerja-kerja rekaan dan membina terowong bawah tanah sejauh 9.5

kilometer dan tujuh stesen bawah tanah.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, semalam.

"MMC-Gamuda dipilih berdasarkan kekuatan mereka dalam rekaan, pembinaan, perkakasan mengorek dan metodologi pembinaan stesen menebuk.

"Syarikat itu juga dipilih kerana pengalamannya dalam menguruskan projek SMART," kata kenyataan itu.

Penilaian akhir menunjukkan syarikat kerjasama MMC-Gamuda adalah dinilai sebagai tender terbaik yang menawarkan kriteria teknikal dan bidaan terbaik adalah 3.4 peratus lebih rendah berbanding tawaran kedua terendah.

MMC-Gamuda adalah di antara lima syarikat kerjasama yang menerima prakelayakan dalam kriteria untuk melakukan tender pakej bawah tanah untuk projek MRT.

Lain-lain pesaing ialah syarikat kerjasama Hyundai-Gadang-Cheongal Jaya, Taisei Corp., Sinohydro

Group Ltd., dan China Railway Group Ltd.

Kelima-lima syarikat itu menyertai tender yang dibuka pada 27 Oktober 2011 dan ditutup pada 27 Januari 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, kerja-kerja mengorek itu akan memerlukan kerja-kerja bawah tanah pada skala yang belum pernah dilakukan.

Katanya, pakej terbesar tunggal MRT menjadikan ia 30 hingga 40 peratus daripada jumlah kos projek.